

# PM: Anggap China sumber kekayaan

UM 19 SEP 2003

Oleh ASUKI ABAS

**K**UALA LUMPUR 18 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, negara-negara Asia Tenggara perlu menganggap kemunculan China selaku gergasi ekonomi dunia sebagai sumber baru kepada kemakmuran dan kekayaan serantau.

Perdana Menteri berkata, China boleh memberi sumbangan positif kepada pembangunan Asia Tenggara sekiranya negara-negara serantau dapat membuang tanggapan bahawa ia akan menjadi ancaman ekonomi sebaliknya mampu mencetus kemakmuran seperti yang dilakukan oleh Jepun dan Korea.

“Jika Asia Tenggara menerima hakikat bahawa China (akan) memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Asia Timur dan melihat kepada China sama seperti Jepun dan Korea, maka seperti Jepun dan Korea yang telah menyumbang kepada kemakmuran Asia Tenggara, China juga akan melakukan perkara yang sama.

“Kemunculan China sebagai gergasi ekonomi tidak harus dibimbangi oleh Asia Tenggara kerana selain cabaran, akan ada juga peluang.

“Kemungkinan paling buruk ialah satu keseimbangan (antara cabaran dan peluang) akan diperolehi tetapi dengan kemahiran, Asia Tenggara akan mendapat lebih banyak faedah daripada pembukaan pasaran China yang lebih kaya,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapan perasmian Sidang Kemuncak Perkongsian Malaysia-China 2003 di Hotel Palace Of Golden Horses, di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia telah mendapat faedah langsung daripada letusan ekonomi negara itu yang turut menjana pertumbuhan ekonomi Asia Pasifik.

“Perdagangan dua hala antara Malaysia dan China tumbuh sebanyak 49 peratus kepada RM43.4 bilion daripada RM29.2 bilion pada 2001.

“Di kalangan negara ASEAN pula,

Malaysia memintas Singapura untuk muncul sebagai rakan dagang terbesar China pada tahun 2002, yang jumlahnya merupakan 26.1 peratus daripada perdagangan dengan rantau ini,” ujar beliau.

Dr. Mahathir berkata, China juga merupakan jiran yang bertanggungjawab apabila cuba menawarkan bantuan walaupun turut menghadapi kesukaran akibat kelembapan ekonomi dunia.

“Bagaimanapun, banyak negara melihat China, terutamanya di Asia Tenggara, sebagai satu ancaman ekonomi (memandangkan) ia telah pun mengancam dari segi tarikan pelaburan langsung asing,” ujarnya.

Sehubungan itu, tambah Dr. Mahathir, satu mekanisme untuk mengawal sebarang pertikaian antara kedua-dua pihak seperti Perkumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) amat diperlukan walaupun China dipercayai tidak mungkin memilih untuk menggunakan penyelesaian secara ketenteraan.